

'Jendela IKS' pantau pinjaman

Oleh KHAIRUDDIN
MOHD. AMIN

UM 22 JAN 2003
KUALA LUMPUR 21
Jan. — Kerajaan telah mengarahkan

Bank Negara Malaysia (BNM) supaya mewujudkan 'Jendela IKS' bagi memantau tempoh kelulusan permohonan pinjaman bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam usaha mengurangkan kerenah birokrasi.

Menteri Kewangan II, Datuk Jamaludin Mohd Jarjis berkata, kerajaan mahukan sesuatu pinjaman dapat dikeluarkan dengan lebih cepat kepada pemohon yang layak.

"Kerajaan telah mengarahkan BNM mengadakan Jendela IKS bagi membolehkannya mengawasi bank komersial supaya mereka tidak lupa agenda untuk memberi pinjaman kepada IKS," katanya.

Beliau menyatakan demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pengilang-pengilang Bumiputera Malaysia (PPBM) di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Timbalan Presiden PPBM, Mejar (B) Abdul Rahman Ibrahim menyampaikan memorandum yang memaparkan isu dan masalah persatuan itu kepada Jamaludin.

Pada 11 Januari lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa bank-

bank tempatan supaya segera menubuhkan unit atau jabatan khas untuk mengendalikan urusan dengan peminjam kecil.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan membuat gesaan itu setelah menerima aduan mengenai sikap sesetengah bank yang memberi keutamaan kepada para peniaga besar setelah berla-

kunya proses penggabungan bank-bank.

Jamaludin menambah, kerajaan mahukan bank-bank memberi tumpuan khas terhadap jumlah dan peratusan tertentu dana dikeluarkan kepada IKS.

Katanya, pinjaman perlu dikeluarkan segera kepada para pengusaha IKS bagi memastikan ekono-

mi negara terus dijana memandangkan sektor tersebut merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi.

"Seperti anda tahu tidak baik jika dibenarkan mereka ini (bank) mengambil masa selama 12 bulan untuk meluluskan permohonan.

"Kini Januari dan pemohon hanya mendapat

wang mereka tahun depan, ini (tindakan sedemikian) tiada gunanya," ujarnya.

Jamaludin, bagaimanapun menambah, kerajaan akan menyerahkan kepada bank-bank itu untuk menyelesaikan sendiri masalah bagaimana untuk mengurangkan tempoh kelulusan permohonan sesuatu pinjaman.